

FAKTA
Pantai sudah
terhakis kira-kira
10 meter

KEADAAN jalan
yang sudah runtuh
akibat hakisan.

KESAN hakisan
yang makin teruk
di Pantai Remis.

Tiada usaha cegah hakisan

■ Sudah bertahun-tahun Pantai Remis terbiar

Oleh Nur Saliawati Salberi
hmetroshahalam@hmetro.com.my
Kuala Selangor

“Pihak bertanggungjawab seolah-olah tidak mengetahui mengenai situasi ini, walaupun sudah bertahun-tahun lamanya hakisan di sepanjang pantai ini berlaku,” itu luahan seorang penduduk Pantai Remis, Samsudin Abd Kadir, 61.

Menurutnya, keadaan di sepanjang Pantai Remis semakin terjejas akibat hakisan, namun tiada pihak yang tampil untuk mengatasi masalah ini.

Tinjauan Metro Ahad di sekitar pesisir Pantai Remis baru-baru ini mendapati sebahagian besar kawasan pantai itu mengalami hakisan teruk serta keadaan daratan semakin mengecil.

Malah, ada jalan di kawasan itu juga sudah tidak kelihatan kerana pecah akibat hakisan selain pokok tumbang yang terdampar di tepi pantai sekali gus mencacatkan keindahan pantai itu.

Samsudin berkata, jika dulu Pantai Remis adalah lokasi utama mengadakan sebarang aktiviti atau sukan air, namun kini sebaliknya kerana keadaan sekitar yang tidak mengizinkan

selain terdapat banyak batang pokok tumbang akibat hakisan.

“Jika diikutkan, hakisan pantai ini berlaku sejak lebih lima tahun dulu lagi namun ia tidak teruk berbanding dua tahun lalu dan sehingga kini tiada sebarang usaha yang dilakukan untuk pulihkan keadaan.

“Kira-kira 10 meter pantai ini sudah terhakis dan keadaan semakin ketara apabila tibanya musim tengkujuh dan ombak kuat,” katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Menurut peniaga, Halim Jamari, 40, akibat hakisan pantai, dia terpaksa menanggung kerugian kira-kira RM20,000 apabila gerai makan yang diusahakannya roboh.

Katanya, selepas enam tahun berniaga berhampiran kawasan pantai itu, hakisan pantai mulai berlaku sedikit demi sedikit dan sejak tahun lalu dia tidak dapat berniaga lagi kerana merasakannya sudah tidak selamat.

“Dalam masa lima tahun, lebih 15 kaki (45 meter) pantai terhakis itu hakikatnya. Bukan saya saja reka cerita tetapi itu hakikatnya kerana perkara ini terjadi depan mata saya.

“Saya sendiri dua kali membuat tambak sendiri menggunakan tayar dan batu tetapi hanya bertahan dua tahun dan kini kedai saya sudah runtuh,” katanya.

Katanya, keadaan itu mendarang-

kan bahaya kepada aktiviti pesisir pantai termasuk boleh mengancam keselamatan pengunjung yang datang ke situ.

Sementara itu, Ketua Kampung Sungai Sembilang Ismail Puteh berkata, masalah hakisan pantai bukan perkara baru, malah sudah lama berlaku tetapi masih tiada penyelesaian.

Katanya, beliau bersama-sama Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) kawasan itu sudah mengusahakan bermacam-macam cara termasuk menghantar surat ke Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) tetapi masih belum ada peruntukan.

“Kami dimaklumkan tiada peruntukan dari kerajaan negeri dan jika tiada peruntukan bagaimana masalah hakisan ini mahu diatasi kerana ia memerlukan belanja yang banyak.

“Silap dulu, jika mereka membuat tambak dengan mengikat batu di tebing pantai itu mungkin hakisan pantai ini tidak seteruk hari ini, apa yang saya tahu batu itu hanya diletakkan tanpa diikat untuk menguatkan strukturnya daripada dipukul ombak,” katanya ketika dihubungi.

Menurutnya, bagi mengelakkan hakisan pantai ini daripada terus kritikal, Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) menjadikan Pantai Remis sebagai pantai angkat